



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN
PEKERJA**
KOD KURSUS : DSM2143
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 16 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1.

The poster for the e-Career Fair is a vibrant graphic with a teal and orange color scheme. At the top left, it features the logos of MIDA (Malaysian Investment Development Authority), PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial), and the Ministry of Higher Education. A red starburst graphic in the upper right corner announces 'MORE THAN 2,000 JOB VACANCIES'. The main title 'e-Career Fair' is prominently displayed in white on a teal background, with the dates '14 & 15 July 2021 | 9.00 am – 4.00 pm' below it. To the right, a white speech bubble contains the text 'Industry Career Talk' by ResMed, with a Zoom link 'https://bit.ly/3xbbNzR' and the time '14 July 2021 | 9.00 am - 10.30 am'. A central illustration shows a man in a suit sitting at a desk, talking on a headset, with a computer monitor displaying a video call with another man. Below the illustration, a QR code is provided for registration, along with a 'REGISTER NOW' button and the URL 'http://bit.ly/PerkesoMidaKPT'. At the bottom, a row of logos for participating companies is shown, including Alcon, DERIV, DUNHAM-BUSH, HOTRAVI, PLEXUS, IBRONX, Jinko, PKT, THC, Inari, ResMed, KUENNE+NAGEL, BROMMA, MeHow, and TOP GLOVE.

Gambar 1

Berdasarkan gambar di atas, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menganjurkan e-Career Fair pada 14 dan 15 Julai 2021. Lebih 16 syarikat daripada pelbagai industri telah menyertai pameran kerjaya secara maya ini dengan menawarkan lebih 2,000 jawatan kosong. Apakah kepentingan perekrutan yang boleh diperolehi oleh organisasi dengan menyertai e-Career Fair ini?

- A Boleh menyertai seminar dan bengkel percuma.
- B Berpeluang untuk menjalinkan hubungan baik dengan bakal majikan.
- C Memberi pendedahan kepada pemohon tentang lanskap pekerjaan di Malaysia.
- D Merupakan platform untuk memilih calon yang layak melalui proses temu duga terbuka.

2.

Di Malaysia, peningkatan golongan wanita di dalam pekerjaan dan bidang-bidang kritikal seperti kejuruteraan dan perubatan telah mempengaruhi permintaan terhadap tenaga kerja dalam pasaran buruh negara.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang perlu dilakukan oleh pihak organisasi bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan jantina dalam bidang-bidang kritikal?

- A Organisasi boleh menaja pelajaran dalam program-program terpilih.
 - B Menyediakan ganjaran yang komprehensif untuk pekerja berprestasi tinggi.
 - C Mewujudkan polisi dan peraturan organisasi dalam melaksanakan perancangan sumber manusia.
 - D Perancangan sumber manusia perlu bergantung kepada tahap pengetahuan dan kepakaran pekerja.
3. Jika perancangan sumber manusia menunjukkan lebihan pekerja, pihak pengurusan boleh mengurangkan pekerja melalui
- i. pengambilan pekerja.
 - ii. pemberhentian pekerja.
 - iii. penamatan kontrak pekerja.
 - iv. penangguhan pembayaran gaji pekerja.
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

4. Encik Yazid akan bersara pada hujung tahun 2022. Beliau telah mencadangkan tiga orang pegawai yang dirasakan sesuai untuk dinaikkan pangkat bagi menggantikan jawatan beliau sebagai Eksekutif Pembelian kepada Jabatan Sumber Manusia. Calon yang terpilih adalah Kuntum, Pekan dan Melati. Encik Yazid juga telah menyenaraikan kriteria yang diperlukan bagi mengenal pasti ketersediaan calon untuk menyandang jawatan berkenaan. Setelah dilakukan penilaian, Kuntum merupakan calon yang layak memegang jawatan Encik Yazid. Apakah kaedah yang dipraktiskan oleh Jabatan Sumber Manusia sehingga mendapati Kuntum layak menggantikan Encik Yazid?
- A Jadual kakitangan.
B Carta penggantian.
C Inventori kemahiran.
D Perancangan penggantian.
5. Apakah langkah-langkah perancangan sumber manusia yang berkesan?

<p>M – Membentuk dan melaksanakan perancangan. N – Perbandingan keperluan dan penawaran. O – Meramalkan keperluan. P – Menilai pelaksanaan. Q – Menentukan penawaran.</p>
--

- A Q M N P O
B Q O M N P
C O Q N M P
D M P O Q N

6.

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2019, graduan Malaysia meningkat kepada 5.29 juta atau 6.9 peratus lebih tinggi pada tahun 2019 berbanding 4.94 juta pada tahun 2018. Kajian oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) yang memetik sumber Statistik Graduan Jabatan Statistik Malaysia 2020 mendapati jumlah siswazah menganggur meningkat sebanyak 22.5 peratus kepada 202,400 orang pada tahun 2020 berbanding 165,200 pada tahun sebelumnya.

Oleh: Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik, USIM

Sumber: hmetro.com.my, 31 Januari 2022

Petikan 1

Berdasarkan petikan di atas, apakah persediaan yang perlu dilakukan oleh bakal graduan sebelum memasuki pasaran industri?

- i. Mahasiswa perlu mengambil peluang untuk menguasai pelbagai bidang kemahiran yang lain.
- ii. Meningkatkan pengetahuan dalam Revolusi Industri 4.0.
- iii. Menjadi individu yang fleksibel dan versatil.
- iv. Mengikuti program latihan dan perantisan.

- A** i, ii dan iii
B i, iii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

7. Maklumat yang terhasil daripada analisis kerja digunakan untuk menulis

- A** aktiviti kerja.
B konteks kerja.
C huraian kerja.
D alat bantu kerja.

8.

Rahman bekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Rahman sentiasa memastikan tugas yang diberikan oleh ketuanya dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Sebelum sesuatu prosiding dijalankan, Rahman perlu memastikan dokumen-dokumen yang diperlukan disediakan dengan lengkap seperti menyediakan affidavit penyerahan dan pengendorsan penyampaian. Selain itu, beliau juga perlu memastikan affidavit penyerahan difailkan di mahkamah dan bertanggungjawab menyerahkan saman kepada defenden serta mendapatkan tandatangan penerima.

Pernyataan 2

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A butiran kerja.
- B deskripsi kerja.
- C ringkasan kerja.
- D spesifikasi kerja.

9. Sri terpandang iklan jawan kosong di laman sesawang Pejabat Daerah Bentong. Sri telah menghubungi pegawai yang mengendalikan iklan berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang jawatan yang diiklankan.

Sri : Hello, selamat pagi. Saya Sri.

Encik Aman : Ya, selamat pagi. Saya Aman. Apa yang saya boleh bantu Cik Sri

Sri : Encik Aman, saya ingin bertanya tentang jawatan kosong sebagai Pembantu Tadbir Operasi yang diiklankan oleh pihak Pejabat Daerah Bentong. Boleh Encik Aman terangkan tentang taraf jawatan berkenaan? Dengarnya taraf jawatan tersebut hanya pekerja sambilan sahaja yang dibayar gaji mengikut hari. Adakah betul Encik Aman?

Encik Aman : Ya betul Cik Sri. Jawatan Pembantu Tadbir Operasi ni bertaraf sambilan. Gajinya akan dibayar sebanyak RM54.00 sehari. Tempoh perkhidmatan ialah selama tiga bulan sahaja. Setakat ini, kami hanya memerlukan tiga orang calon untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Sri : Encik Aman, sekiranya saya berjaya mendapatkan jawatan ini, di manakah saya akan di tempatkan?

Encik Aman : Sekiranya Cik Sri merupakan salah seorang calon yang berjaya dalam temu duga yang diadakan nanti, Cik Sri akan ditempatkan di Unit Pendaftaran, Bahagian Pengurusan Tanah.

Sri : Baiklah Encik Aman, itu sahaja yang saya nak tahu. Terima kasih atas maklumat tadi.

Dialog 1

Dialog di atas menerangkan tentang

- A butiran kerja.
- B keadaan kerja.
- C maklumat kerja.
- D ringkasan kerja.

10. Ujian yang digunakan untuk menilai kebolehan seseorang individu melaksanakan satu tugas khusus dikenali sebagai
- A ujian aptitud.
 - B ujian gelagat.
 - C ujian personaliti.
 - D ujian pengetahuan.
11. _____ ialah hubungan yang membuktikan antara mekanisme yang digunakan dalam pemilihan pekerja dengan kriteria yang telah ditetapkan.
- A Andaian
 - B Kesahan
 - C Tanggungjawab
 - D Kebolehpercayaan
12. Syarikat Gemilang Sdn. Bhd. sedang mencari calon bagi mengisi kekosongan jawatan kerani. Apakah cara yang boleh dilakukan oleh Syarikat Gemilang untuk mendapatkan maklumat tentang tahap pendidikan, sejarah kerja dan pengalaman calon?
- A *Resume*.
 - B Menyemak rujukan.
 - C Borang permohonan.
 - D Siasatan latar belakang.
13. Cik Rin akan menghadiri sesi temu duga bagi jawatan Setiausaha pada minggu hadapan. Beliau diminta untuk membawa segala dokumen yang berkaitan pada sesi temu duga berkenaan. Manakah antara yang dokumen berikut tidak perlu dibawa oleh Cik Rin pada hari temu duga tersebut?
- A Rujukan personel.
 - B Transkrip akademik.
 - C Sejarah kecemerlangan.
 - D Laporan daripada pihak berkuasa.

14. Firas merupakan salah seorang panel temu duga. Dalam sesi temu duga, Firas telah memberikan markah 60 hingga 63 peratus bagi semua kriteria yang tercatat dalam borang penilaian untuk semua calon yang hadir. Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Firas?
- A Prasangka peribadi.
 - B Kesan perbandingan.
 - C Tanggapan stereotaip.
 - D Kecenderungan memusat.

15.



Gambar 2

Gambar 2 di atas menunjukkan peratus penentu untuk majikan memilih calon yang berjaya dalam sesi temu duga. Pada pandangan anda, apakah kesilapan yang telah dilakukan oleh majikan semasa sesi temu duga berkenaan?

- A Kesan halo.
- B Pemilihan awal.
- C Tanggapan pertama.
- D Dominasi penemu duga.

16. _____ berlaku apabila seseorang pekerja ditukar ke jawatan, bahagian atau cawangan yang lain dalam organisasi dengan gaji, tugas dan tanggungjawab yang sama atau hampir sama.
- A Pemindahan
 - B Pembidaan kerja
 - C Kenaikan pangkat
 - D Rombakan organisasi

Soalan 17 dan 18 adalah berdasarkan petikan di bawah.

KUALA LUMPUR: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengenal pasti kekosongan jawatan yang diiklankan secara dalam talian meningkat mendadak pada suku kedua tahun 2021 iaitu sebanyak 90,502 berbanding 19,169 pada suku kedua tahun 2020. Peningkatan jumlah itu diperoleh hasil Analisis Data Raya Job Market Insights dan My Job Profile: Lanskap Penawaran Pekerjaan di Malaysia yang dilancarkan DOSM.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan ini melangkaui jumlah kekosongan jawatan diiklankan pada suku keempat 2019 iaitu 90,437 sebelum bermulanya pandemik COVID-19 di negara ini. Katanya, "sebilangan besar majikan memerlukan pekerja dalam kategori profesional (50.8 peratus), diikuti pekerja kategori juruteknik dan profesional bersekutu (19.2 peratus) serta pengurus (18.4 peratus)."

"Dari segi kategori Teknikal, Pendidikan Vokasional dan Latihan (TVET), profesional pengiklanan dan pemasaran, profesional bersekutu pentadbiran, pembangun perisian, profesional pentadbiran dan kerani am pejabat adalah lima pekerjaan tertinggi yang ditawarkan pada suku keempat 2021," katanya.

Beliau menambah, pekerjaan berkaitan digitalisasi seperti ahli sains data, profesional pemasaran digital dan media sosial menunjukkan peningkatan ketara pada suku ketiga dan keempat 2021.

Sumber: bharian.com.my, 25 Oktober 2021

Petikan 2

17. Berdasarkan petikan di atas, apakah rumusan yang boleh dibuat terhadap peningkatan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian pada suku kedua 2021?

- i. Perubahan teknologi digital sebagai satu norma baharu dalam melaksanakan aktiviti perniagaan.
- ii. Gambaran ekonomi negara berada di landasan yang betul ke arah pemulihan pada suku tahun akan datang
- iii. Merupakan salah satu strategi perniagaan dengan memperkenalkan serta mengiklankan produk dan perkhidmatan dalam media sosial.
- iv. Usaha syarikat-syarikat untuk menambah pekerja bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap barangan dan perkhidmatan yang semakin berkembang.

- A** i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, ii dan iv
D i, iii dan iv

18. Apakah yang menyebabkan pengambilan pekerja dalam bidang yang berkaitan digitalisasi seperti pemasaran digital menunjukkan peningkatan yang mendadak pada tahun 2021?

- A** Sangat diperlukan untuk memasarkan sesuatu produk melalui platform digital dan media sosial.
- B** Banyak diperlukan dalam bidang periklanan terutamanya *content writer*.
- C** Berperanan sebagai *mastermind* dalam mengendalikan media sosial.
- D** Berlakunya pertambahan dalam bilangan pekerja ekonomi gig.

19.

- Aktiviti sukan dan rekreasi
- Elaun yang menarik
- Wang saku RM300 sebulan
- Tambang pengangkutan dari tempat tinggal ke tempat kerja disediakan

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah organisasi memberitahu tentang faedah dan ganjaran yang boleh diperolehi oleh pemohon semasa mengiklankan sesuatu jawatan kosong?

- A** Sesuatu iklan perlu ada daya penarik.
- B** Menimbulkan keinginan untuk peningkatan kerjaya.
- C** Boleh menimbulkan minat kepada kerja yang ditawarkan.
- D** Menggalakkan pemohon untuk bertindak dengan cepat dan pantas.

20. Pilih contoh yang **betul** tentang perbezaan sumber dalaman dan luaran dalam perekrutan pekerja untuk Syarikat Bintang Terang.

	Sumber dalaman	Sumber luaran
A	Mengambil jurujual syarikat pembekal yang membekalkan bahan mentah kepada Bintang Terang.	Syarikat menawarkan jawatan kosong sebagai jurujual kepada Meor yang merupakan pekerja di Alpha Biru Sdn. Bhd.
B	Bintang Terang mengambil penuntut yang mempunyai prestasi yang baik setelah tamat tempoh latihan selama enam bulan.	Mengambil pekerja <i>production</i> yang cekap menjalankan tugas-tugas <i>production</i> tetapi berpotensi menjadi jurujual yang kompeten.
C	Syarikat mengendalikan temu duga terhadap tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan tentang polisi dan keperluan syarikat.	Bakar merupakan seorang pekerja syarikat, dan beliau telah mengambil kawan baiknya sebagai jurujual Syarikat Bintang Terang.
D	Sulaiman tertarik dengan pakej ganjaran yang ditawarkan oleh Bintang Terang.	Syarikat telah memberikan kepercayaan kepada Umi untuk menerajui cawangan yang baharu.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Soalan a dan b adalah berdasarkan situasi di bawah.

Rafidah sudah kepenatan kerana telah menghabiskan sehari suntuk menemu duga calon untuk jawatan pembantu penyunting. Tambahan pula petang itu ialah hari Jumaat. Oleh sebab pembantu baru ini akan bekerja dengan Rafidah dan seorang rakan editor, Syahmi, maka kedua-dua rakan sekerja ini telah menjalankan temu duga bersama. Rafidah berpendapat bahawa seseorang pekerja yang lebih berumur boleh menjadi pekerja yang bertanggungjawab, manakala Syahmi lebih suka pembantu yang lebih muda dan bercita-cita serta bermotivasi tinggi.

Selepas menemu duga tiga orang calon pertama bersama-sama dengan Syahmi, Rafidah kini terpaksa menemu duga calon terakhir secara berseorangan. Syahmi terpaksa pulang ke rumah kerana kurang sihat. Rafidah telah menyediakan beberapa soalan yang dirancangnya untuk ditanya semasa temu duga nanti. Namun, masa yang diperuntukkan tidak mencukupi kerana dua sesi temu duga yang dilaksanakan lebih lama daripada yang dijangka. Sekurang-kurangnya temu duga ketiga lebih ringkas, tetapi sekali lagi Rafidah berasa bahawa dia belum mendapat maklumat yang cukup tentang pemohon berkenaan. Baik Syahmi mahupun Rafidah tidak berjaya membuat calon itu menceritakan lebih banyak tentang dirinya selain perkara asas yang tertulis pada resumennya.

Situasi 1

- a. Didapati Rafidah telah mengambil masa yang lama bagi menamatkan setiap sesi temu duga sama ada yang dikendalikan olehnya sendiri ataupun bersama Syahmi. Cadangkan kepada Rafidah, apakah persediaan yang perlu dilakukan oleh mereka sebelum menjalankan sesi temu duga?

(18 markah)

- b. Berdasarkan situasi di atas, apakah kesilapan yang telah dilakukan oleh penemu duga semasa sesi temu duga berkenaan?

(12 markah)

SOALAN 2

- a. Puan Orked diminta untuk membentangkan bajet bagi pengambilan pekerja untuk tahun 2023. Oleh sebab itu, beliau perlu membuat penilaian awal terhadap penggunaan sumber luaran dalam proses perekrutan pekerja. Cadangkan strategi yang boleh digunakan oleh Puan Orked untuk melaksanakan perekrutan luaran yang berkesan bagi mengelakkan majikan mengalami kerugian.

(16 markah)

b.

Berdasarkan beberapa kajian, didapati bahawa pekerja yang diambil bekerja melalui kaedah rujukan pekerja kebiasaannya akan kekal lebih lama dalam sesebuah organisasi. Selain itu, prestasi pekerja ini juga adalah lebih baik berbanding dengan pekerja yang diambil bekerja melalui kaedah yang lain seperti pengiklanan dan juga melalui internet.

Pernyataan 4

Andaikan anda adalah sebagai pengamal sumber manusia, kenapakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Jelaskan.

(14 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT